

PERATURAN PERMAINAN TAEKWONDO

1. Peraturan Teknikal

1.3 Undang - undang permainan

1.1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang *World Taekwondo Federation* (WTF).

1.4 Perkara yang tidak dinyatakan

1.4.1 Rujuk Peraturan AM SUKIPT IV

2. Peraturan Pertandingan

2.3 Acara/Kategori yang dipertandingkan

2.1.1 Acara Kyorugi

KATEGORI LELAKI	KATEGORI WANITA
FIN (Tidak lebih 54 kg)	FIN (Tidak lebih 46 kg)
FLY (54 kg – 58 kg)	FLY (46 kg – 49 kg)
BANTAM (58 kg – 63 kg)	BANTAM (49 kg – 53 kg)
FEATHER (63 kg – 68 kg)	FEATHER (53 kg – 57 kg)
LIGHT (68 kg – 74 kg)	LIGHT (57 kg – 62 kg)
WELTER (74 kg – 80 kg)	WELTER (62 kg – 67 kg)
MIDDLE (80 kg – 87 kg)	MIDDLE (67 kg – 73 kg)
HEAVY (87 kg ke atas)	HEAVY (73 kg ke atas)

2.1.2 Acara Poomsae

LELAKI & WANITA	PUSINGAN KUMPULAN & AKHIR
Individu	Taegeuk 6,7,8 Jang, Koryo Keumgang, Taeback,Pyongwon, Shipjin
Berpasukan (3 Orang)	Taegeuk 6,7,8 Jang, Koryo Keumgang, Taeback
Campuran (2 Orang)	Taegeuk 6,7,8 Jang, Koryo Keumgang, Taeback

2.4 Pendaftaran dan pembentukan Pasukan

2.4.4 Setiap institusi dibenarkan mendaftar hanya seorang peserta bagi setiap kategori.

- 2.4.5 Peserta yang telah berdaftar bagi kategori Kyorugi tidak boleh menyertai acara poomsae dan begitu juga sebaliknya.
- 2.4.6 Setiap peserta diwajibkan membuat pemeriksaan kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Kesihatan atau Pegawai yang setaraf dengannya.

2.1 Sistem Pertandingan

- 2.1.1 Acara Kyorugi : Pertandingan akan dijalankan secara kalah mati
- 2.1.2 Acara Poomsae : Pertandingan akan dijalankan secara penilaian berkumpulan. Lapan (8) peserta terbaik akan mara ke pusingan Peringkat akhir.
- 2.1.3 Acara Poomsae – sekiranya terdapat lapan (8) atau kurang penyertaan bagi setiap kategori, maka pertandingan akan terus ke peringkat akhir.
- 2.1.4 Masa pertandingan bagi acara kyorugi adalah selama 2 minit bagi setiap pusingan dan 3 pusingan akan diperuntukkan (2, 1, 2, 1, 2) untuk setiap perlawanan. Bagaimanapun ia tertakluk kepada sebarang perubahan semasa pertandingan.
- 2.1.5 Semua peserta acara kyorugi **DIWAJIBKAN** untuk menjalani sesi timbang berat sehari sebelum pertandingan bermula. Berat semua peserta mestilah tetap mengikut kategori yang didaftarkan. Peserta akan digugurkan sekiranya melebihi atau berada di bawah berat kategori yang didaftarkan.
- 2.1.6 Bagi acara poomsae, semua peserta dikehendaki untuk melakukan dua (2) 'pattern' pada peringkat kumpulan dan pusingan akhir.
- 2.1.7 'Pattern' yang akan dipertandingkan bagi peringkat kumpulan dan akhir akan ditentukan melalui undian sebelum kejohanan berlangsung.

2.2 Pakaian Pertandingan

- 2.2.4 Setiap pemain hendaklah memakai pakaian rasmi yang dibenarkan dalam permainan taekwondo.

2.3 Peralatan Pertandingan

- 2.3.4 Peralatan pertandingan hendaklah dibawa sendiri oleh pasukan/ IPT masing-masing. Contoh : *Head Gear, Body Protect* dan lain-lain.

2.4 Hadiah Kemenangan

2.4.4 Bagi acara Kyorugi, peserta yang kalah di separuh akhir akan dikira sebagai pemenang pingat gangsa bersama.

2.4.5 Bagi acara Kyorugi, peserta ditempat ketiga dan keempat akan dikira sebagai pemenang pingat gangsa bersama.

3. Ringkasan Penyertaan

Bil	Acara Sukan	Jumlah Atlet Lelaki	Jumlah Atlet Wanita	Pegawai
1	Kyorugi			3
	Fin	1	1	
	Fly	1	1	
	Bantam	1	1	
	Feather	1	1	
	Light	1	1	
	Welter	1	1	
	Middle	1	1	
	Heavy	1	1	
2	Poomsae			3
	Individu	1	1	
	Campuran	1	1	
	Berpasukan	3	3	
Jumlah Keseluruhan		13	13	3